

Kesedaran daftar tanda dagang

Band perlu daftar 'trademark'

Elak pihak ketiga ambil kesempatan guna jenama kumpulan muzik

Oleh Fatin Farhana Ariffin
fatin.farhana@bh.com.my

Kemelut melanda kumpulan rock legenda, Search berhubung penggunaan jenama band itu yang dipertikai tiga anggota, iaitu bekas vokalis, Amy; Nasir Daud dan waris Allahyarham Yazit Ahmad, membuka mata banyak pihak terutama artis berkumpulan berhubung kepentingan mendaftarkan nama band di bawah tanda dagang atau *trademark*.

Kontroversi membabitkan Search yang menjadi perintis genre rock di Malaysia sejak diasaskan lebih empat dekad lalu, membuktikan isu penggunaan nama band, apatah lagi jika kumpulan terbabit sudah berpecah dan membawa haluan sendiri, boleh mencetuskan perbalahan.

Isu penggunaan jenama Search timbul apabila Amy, Nasir dan waris Allahyarham Yazit mempertikai tindakan dua lagi anggota kumpulan berkenaan, Noordin Mohd Taib atau Din dan Hamzah Mohd Taib (Kid) bekerjasama dengan Syarikat Home Of Champions (HOC) menjual pelbagai

barangan dan aksesori seperti kemeja-T dan kasut, menggunakan jenama Search.

Hakikatnya, ramai tidak sedar mengenai kepentingan sesebuah kumpulan pemuzik berdaftar di bawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

Pengerusi Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM), Rosmin Hashim, berkata pemuzik tempatan perlu sedar kepentingan pendaftaran cap dagangan atau *trademark* bagi mengelak perbalahan.

"Pendaftaran cap dagangan di bawah MyIPO adalah mustahak bagi mengelak sesebuah nama atau jenama pemuzik diambil pihak ketiga atau digunakan pihak lain demi keuntungan mereka.

"Sedangkan pemuzik bersusah-payah menaikkan nama berkenaan.

"Jika sesebuah kumpulan pemuzik sudah berdaftar, ia tidak akan menimbulkan perbalahan mengenai siapa pemiliknya.

"Jadi, soal itu tidak akan berbangkit kelak. Kita hanya boleh pergi ke MyIPO dan periksa siapa pemiliknya," katanya kepada *HIP*.

Baru-baru ini, HOC dilaporkan mendakwa Amy, Nasir dan waris Allahyarham Yazit tidak berhak membuat tuntutan ke atas penggunaan jenama kumpulan itu berikutan nama Search tidak

berdaftar di bawah tanda dagang atau *trademark*.

Peguam Datuk Syed Azimal Amir Syed Abu Bakar dari Tetuan Sharif Ridzuan & Co yang mewakili HOC mendakwa, tiada anggota Search berhak memiliki band itu sepenuhnya berikutan nama Search tidak berdaftar di bawah tanda dagang.

Malah, Syed Azimal Amir mendakwa, Amy atau nama sebenar, Suhaimi Abdul Rahman, tidak berhak membuat tuntutan berikutan sudah meninggalkan kumpulan itu secara rasmi, Mac tahun lalu.

Rosmin berkata, selagi jenama kumpulan tidak berdaftar di bawah tanda dagang, tiada mana-mana individu boleh membuat tuntutan ke atas sesebuah cap dagangan itu.

"Namun, selagi tidak berdaftar, selagi itulah isu siapa pemilik cap dagangan akan berbangkit.

"Ini kerana tanpa sedar, sesebuah nama itu akan jadi bernilai selepas melalui aktiviti promosi dan sebagainya.

"Seperti Search dan Wings yang kita tahu populariti membuat nama mereka berharga," katanya kepada *HIP*.

Rosmin berkata, pendaftaran di bawah tanda dagang memberi kemudahan kepada sesebuah kumpulan muzik menjalankan perniagaan, membuat sagu hati, menghasilkan filem



Rosmin Hashim



Nasir bersama Amy dan waris Allahyarham Yazit mempertikai dua lagi ahli kumpulan jual pelbagai barangan dan aksesori guna nama kumpulan Search.

atau sebagainya.

"Sesebuah nama boleh digunakan dalam pelbagai cara. Contoh cara paling biasa adalah dengan menghasilkan baju-T dan cenderahati lain.

"Hasil jualan membolehkan sesebuah kumpulan muzik menjana pendapatan.

"Jadi, kalau tiada perlindungan cap dagangan itu, sesiapa boleh menggunakannya untuk berbuat demikian," katanya.

Rosmin berkata, sebelum ini,

ada syarikat rakaman mendaftarkan cap dagangan kumpulan muzik dinaungi mereka.

"Kalau tidak silap, kumpulan seperti XPDC di mana syarikat rakaman, Life Records mendaftarkan nama band itu (di bawah tanda dagang).

"Disebabkan itu, tiada siapa yang boleh menggunakan nama XPDC kecuali Life Records. Itu antara contoh yang saya masih ingat," katanya.

Lihat muka 5

Miliki cap dagang lebih awal elak perbalahan

Peguam dan Ejen Cap Dagangan yang berdaftar dengan MyIPO, Muhammad Akram Abdul Aziz menjelaskan, pendaftaran cap dagangan bukanlah wajib, namun, mampu mengelak perebutan dalam kalangan pihak berkepentingan pada masa hadapan.

Muhammad Akram berkata, di bawah peruntukan undang-undang, sesiapa boleh menjadi pemilik cap dagangan, malah, tiada ketetapan menyatakan hanya orang yang berdaftar boleh menjadi pemilik cap dagangan.

"Maksudnya, apabila anda mempunyai jenama produk tapi anda tidak pergi mendaftarkan jenama itu di MyIPO, anda masih lagi menjadi pemiliknya.

"Tetapi akan timbul isu apabila pihak ketiga membuat tun-

tutan kononnya dia adalah pemilik jenama terbabit," katanya.

Muhammad Akram berkata, masalah timbul apabila hendak membuktikan pemilik cap dagangan andai tidak berdaftar.

"Dalam hal ini, biarpun peruntukan undang-undang menyatakan tidak wajib tapi bagi saya sebagai Ejen Harta Intelek, saya akan sarankan pelanggan untuk mendaftarkan MyIPO.

"Apabila kita berdaftar cap dagangan, MyIPO akan mengeluarkan sijil pendaftaran. Dokumen ini boleh digunakan sebagai bukti kita adalah pemilik.



Muhammad Akram

"Jadi kalau timbul perbalahan, kita ada bukti kita sudah berdaftar. Jika berbalah di mahkamah, mudah sikit untuk membuktikan kita adalah pemiliknya," katanya.

Muhammad Akram menyokong jika kumpulan pemuzik seperti Wings, Search dan Spring berdaftar di MyIPO.

"Bagaimanapun, dari awal, kita perlu menentukan siapa yang didaftarkan sebagai pemilik bagi mengelak menjadi isu pada kemudian hari.

"Namun, tidak hanya seorang, anggota kumpulan yang lain juga boleh berdaftar sebagai pe-

milik bersama.

"Tetapi persetujuan perlu dibuat lebih awal, sebelum melakukan pendaftaran," katanya.

Muhammad Akram berkata, perbalahan mengenai tanda dagang atau *trademark* bukanlah perkara baharu kerana perebutan membabitkan harta intelek berlaku di peringkat antarabangsa.

"Isu cap dagangan ini bukan terhad kepada kumpulan pemuzik. Isu ini juga bukan di Malaysia sahaja.

"Masalah sama berlaku di peringkat antarabangsa apabila cap dagangan ada nilai komersial.

"Sehubungan itu, potensi untuk timbul pergaduhan dan perebutan siapa pemilik, memang banyak terjadi.

"Seperti isu kumpulan pemu-

zik yang sedang hangat diperkatakan sekarang. Saya faham bagaimana boleh berlakunya isu ini kerana nama kumpulan terbabit cukup dikenali di persada muzik tanah air," katanya.

Berkongsi pandangan peribadi, Muhammad Akram berkata, sebagai kumpulan muzik veteran, isu berkaitan tanda dagang perlu diselesaikan lebih awal.

"Bukan apabila terjadinya perkara sebegini baru hendak bergaduh soal pemilik cap dagangan.

"Apabila membabitkan harta intelek, saya fikir setiap setiap pengguna cap dagangan ini kena faham bahawa hakikat dalam dunia perniagaan atau apa saja berkaitan komersial, langit tidak selalu cerah," katanya.